

Pembangunan ekonomi perlu ambil kira kehendak rakyat

Oleh ROZILAN SALLEH
dan NOR AZIAH JAAFAR

PULAU PINANG 4 Sept. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengarahkan Unit Penyelaras dan Pelaksanaan (ICU) dan Jawatankuasa Pemandu dan Penyertaan Bumiputera mengenal pasti kawasan-kawasan di negeri ini yang perlu diberi perhatian untuk dijana dengan pembangunan ekonomi.

Pada masa sama, Perdana Menteri mahu kerajaan negeri Pulau Pinang memberi perhatian kepada kehendak rakyat dan mengambil kira pandangan mereka bagi membolehkan pembangunan lebih baik dapat dilaksanakan.

Menurutnya, walaupun berdasarkan perangkaan, keadaan tidak sebegitu teruk namun secara realiti, masalah perumahan berkualiti dan penjanaan ekonomi di kawasan seperti Jelutong dan Jalan Perak masih perlu diperbaiki.

"Di Pulau Pinang, ada kawasan perumahan baru untuk atasi masalah kesesakan perumahan tetapi kawasan baru itu tidak pula menyediakan peluang kerja yang akhirnya tidak membawa kebaikan.

"Oleh itu, penting bagi kerajaan negeri memastikan taburan industri dan pembangunan ekonomi dengan mengambil kira taburan dan pembangunan penduduk," katanya,

Beliau berkata demikian ketika berucap

pada majlis Perjumpaan Bersama Perdana Menteri, sempena lawatan rasmi dua hari ke Pulau Pinang di sini hari ini.

Isu mengenai pembangunan Pulau Pinang yang tidak seimbang, pernah mendapat perhatian beliau yang mahukan kerajaan negeri memajukan kawasan-kawasan yang masih lagi dianggap ketinggalan seperti di Balik Pulau.

Malah, beliau juga pernah mengingatkan kerajaan negeri agar mengambil pandangan pemimpin Melayu dan tidak meminggirkan mereka. "

Mengulas lanjut, Perdana Menteri mahu setiap projek perumahan baru di Pulau Pinang disertai dengan projek berkaitan kegiatan ekonomi untuk menyediakan peluang perniagaan dan pekerjaan kepada penduduk.

Menurutnya, terdapat kawasan seperti Batu Kawan dan Balik Pulau yang sesuai dibangunkan dengan projek perumahan dan disertai dengan kegiatan menjana ekonomi.

Kawasan Batu Kawan boleh dibangunkan dengan perniagaan kecil dan sederhana manakala Balik Pulau yang banyak dusun buah-buahan pula boleh diwujudkan kawasan industri berkaitan asas tani.

Abdullah juga mahu kerajaan negeri memberi perhatian kepada pembangunan menyeluruh di semua daerah di Pulau Pinang bagi memastikan tidak ada kawasan ketinggalan.

"Kawasan sebelah pulau ini mestilah



ABDULLAH Ahmad Badawi bermesra dengan seorang kanak-kanak, Norshasha Aqilah Rosli sejurus tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas, Pulau Pinang, semalam.

• **Gambar SAZALICHE DIN**

berada dalam keadaan baik," katanya.

Beliau menambah, kerajaan memberi perhatian lebih dalam Bajet 2007 yang dibentangkan Jumaat lain sebagai usaha membantu rakyat berpendapatan rendah

dan membangunkan modal insan.

Katanya, ia hanya benar-benar bermanfaat kepada mereka sekiranya peranan kerajaan dapat ditingkatkan ke tahap lebih tinggi supaya menepati kehendak rakyat.